

RISALAH KETERANGAN PRODUK

BIMB DANA AL-MUNSIF

TARIKH: 29 SEPTEMBER 2017

**PENGURUS:
BIMB INVESTMENT MANAGEMENT BERHAD
(276246-X)**

**PEMEGANG AMANAH:
SCBMB TRUSTEE BERHAD
(1005793-T)**

PERNYATAAN TANGGUNGJAWAB

Risalah Keterangan Produk ini telah disemak dan diluluskan oleh pengarah-pengarah BIMB Investment Management Berhad dan mereka secara bersama dan individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan maklumatnya. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan atau peninggalan fakta lain yang akan menjadikan mana-mana pernyataan dalam Risalah Keterangan Produk ini palsu atau mengelirukan.

PERNYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan BIMB Dana AI-Munsif dan salinan Risalah Keterangan Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran bagi BIMB Dana AI-Munsif dan serah simpan Risalah Keterangan Produk ini tidak seharusnya dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan BIMB Dana AI-Munsif atau bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana pernyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Risalah Keterangan Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ketidakdedahan oleh BIMB Investment Management Berhad yang mana bertanggungjawab terhadap BIMB Dana AI-Munsif dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Risalah Keterangan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan tentang ketepatan atau kesempurnaan Risalah Keterangan Produk ini dan menafikan secara nyata apa jua liabiliti yang timbul daripada atau bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.

NOTA: RISALAH KETERANGAN PRODUK INI ADALAH TERJEMAHAN DARIPADA VERSI BAHASA INGGERIS. JIKA TERDAPAT SEBARANG PERBEZAAN KANDUNGAN, RISALAH KETERANGAN PRODUK VERSI BAHASA INGGERIS DIANGGAP MUKTAMAD.

Risalah Keterangan Produk ini hanya menekankan ciri penting dan risiko tentang produk pasaran modal yang tidak tersenarai ini. Pelabur dinasihatkan supaya meminta, membaca dan memahami dokumen-dokumen penzahiran sebelum membuat keputusan untuk melabur.

RISALAH KETERANGAN PRODUK

BIMB DANA AL-MUNSIF

MAKLUMAT RINGKAS TENTANG PRODUK

1. Apakah produk ini ?

Kategori Produk	Dana Seimbang	Jenis Produk	Pendapatan dan Pertumbuhan
Pengurus	BIMB Investment Management Berhad	Pemegang Amanah	SCBMB Trustee Berhad
Tarikh Permulaan	27 Disember 2001	Dasar Pengagihan	Dana ini berhasrat untuk membayar agihan pendapatan tahunan kepada Pemegang Unit sekiranya pendapatan pelaburan sepanjang tahun terkumpul adalah mencukupi.
Kekerapan Urus Niaga	Setiap Hari Urus Niaga	Tahun Kewangan Berakhir	31 Ogos
Modal Dijamin	Tidak	Penanda Aras	"Indeks FBM Emas Syariah" dan Deposit Bertempoh-i Tawarruq (TDT-i) 12 bulan Bank Islam pada nisbah 60:40.

KESESUAIAN PRODUK

2. Produk ini sesuai untuk siapa?

Profil Pelabur	Sesuai bagi pelabur yang: <ul style="list-style-type: none"> • Mahu meraih pendapatan yang stabil dan peningkatan modal. • Mempunyai tempoh pelaburan jangka sederhana hingga panjang*. <p><i>*Nota: "jangka sederhana hingga jangka panjang" dalam konteks ini merujuk kepada tiga (3) tahun atau lebih.</i></p>
Profil Risiko Pelabur	Sederhana
Ufuk Pelaburan	Ufuk pelaburan jangka sederhana hingga jangka panjang

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakah pelaburan yang saya buat?

Prinsip Syariah Yang Diguna Pakai	<ol style="list-style-type: none"> 1- Pelabur melantik Pengurus untuk mengurus dan melaburkan dana di bawah kontrak Islam "Wakalah Bil Istithmar" atau Agensi untuk Pelaburan. 2- BIMB Invest dilantik untuk menjalankan aktiviti pelaburan bagi pihak pelabur dengan mengenakan fi ("Ujrah"). 3- Pemegang amanah ialah pihak bebas yang melindungi kepentingan pelabur
--	--

	dan memastikan pengurus bertindak menurut surat ikatan dan garis panduan SC.								
Objektif Pelaburan	Objektif utama pelaburan Dana adalah untuk menyediakan pendapatan yang stabil serta konsisten dan peningkatan modal Unit dalam jangka sederhana hingga jangka panjang*. Sehubungan dengan itu, pulangan adalah dalam bentuk pertumbuhan modal jangka masa panjang dan pengagihan pendapatan yang tetap kepada Pemegang Unit. <i>*Nota: "jangka sederhana hingga jangka panjang" dalam konteks ini merujuk kepada tiga (3) tahun atau lebih.</i>								
Polisi & Strategi Pelaburan	Untuk mencapai objektif pelaburan, Dana akan memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat kukuh yang berpotensi membayar dividen yang berterusan dan mempunyai prospek pertumbuhan pendapatan yang lebih baik. Dana juga boleh dilaburkan dalam syarikat-syarikat bersaiz kecil dan sederhana yang berpotensi memberikan pembayaran dividen. Pelaburan-pelaburan ini adalah untuk menyediakan aliran pendapatan yang tinggi kepada Dana untuk potensi agihan pendapatan kepada Pemegang Unit. Sementara itu, pelaburan dalam Sukuk adalah bertujuan menjana pendapatan berulang daripada jangkaan pembayaran keuntungan tetap. Pelaburan dalam Sukuk mestilah mempunyai penarafan kredit minima AA3 oleh RAM atau AA- oleh MARC atau sebarang penarafan kredit yang setaraf oleh agensi penarafan kredit yang diiktiraf.								
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> • Ekuiti : 40% - 60%. • Sukuk & deposit: 40% - 60%. <p>Pengurus boleh, jika terdapat tindak balas terhadap pasaran, ekonomi, politik dan keadaan lain yang kurang baik, menggunakan strategi defensif sementara dengan mengekalkan tahap aset cair/tunai yang lebih tinggi. Sekiranya langkah ini diambil, peruntukan aset Dana akan diubah dengan sewajarnya.</p>								
Urus Niaga Unit	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pelaburan Permulaan Minimum*</th> <th>Pelaburan Tambahan Minimum*</th> <th>Amaun Pegangan Minimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM500</td> <td>RM100</td> <td>100 Unit</td> </tr> </tbody> </table>	Pelaburan Permulaan Minimum*	Pelaburan Tambahan Minimum*	Amaun Pegangan Minimum	RM500	RM100	100 Unit	<p><i>*Pengurus mempunyai budi bicara untuk menerima jumlah yang lebih rendah daripada yang dinyatakan di atas sekiranya difikirkan patut oleh Pengurus.</i></p>	
Pelaburan Permulaan Minimum*	Pelaburan Tambahan Minimum*	Amaun Pegangan Minimum							
RM500	RM100	100 Unit							
Pembelian Unit	Pelaburan permulaan minimum bagi Unit Dana ialah Lima Ratus Ringgit (RM500) atau amaun lain yang akan diputuskan oleh Pengurus dari semasa ke semasa. Pelaburan tambahan minimum bagi Unit Dana ialah Satu Ratus Ringgit (RM100) atau amaun lain yang akan diputuskan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.								

Pelabur tidak dibenarkan membuat bayaran tunai kepada mana-mana ejen individu atau dibankkan ke akaun ejen individu apabila membeli Unit Dana

4. Dengan siapakah saya melabur?

Pengurus	BIMB Investment Management Berhad (BIMB Invest)
Profil Korporat Pengurus	BIMB Invest ialah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad. BIMB Invest, syarikat pengurusan dana Islam berlesen, diperbadankan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994. BIMB Invest telah berkecimpung dalam industri unit amanah selama 22 tahun.
Pemegang Amanah	SCBMB Trustees Berhad
Peguaam Cara	Tetuan Wei Chien & Partners
Juruaudit	KPMG Desa Megat & Co.
Penasihat Cukai	Ernst & Young Tax Consultant Sdn. Bhd
Jawatankuasa Syariah	Ustaz Dr Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon Ustaz Dr Yusof bin Ramli Ustazah Dr Asmak binti Ab. Rahman

5. Apakah hasil yang mungkin diperoleh daripada pelaburan saya?

Pelabur mungkin mendapat perolehan daripada kenaikan harga unit hasil kenaikan nilai asas dan/atau akruan keuntungan yang diperoleh.

Walau bagaimanapun, pelaburan melibatkan risiko. Nilai bagi Dana dan pengagihannya (jika ada) boleh naik atau turun. Faktor risiko ini, antara lain, boleh menyebabkan anda kehilangan sebahagian atau semua pelaburan anda.

PRESTASI DANA

6. Purata jumlah pulangan tahunan bagi tempoh berakhir 31 Ogos 2015:-

	1-Tahun	3-Tahun	5-Tahun	10 - Tahun
BIMB Dana AI-Munsif	-13.15%	-1.83%	0.95%	4.53%
Penanda Aras	-6.90%	1.57%	4.38%	6.72%

7. Jumlah pulangan tahunan bagi 10 Tahun yang Lepas Berakhir 31 Ogos:-


Tahun	BIMB Dana AI-Munsif	Penanda Aras
2006	3.92%	4.34%
2007	29.68%	26.12%
2008	-5.92%	-7.59%
2009	2.95%	5.68%
2010	6.28%	8.62%
2011	2.04%	3.67%
2012	8.63%	12.30%
2013	3.50%	4.96%
2014	5.14%	7.14%
2015	-13.15%	-6.90%

Nota:

1. **Jumlah Pulangan** telah disahkan oleh Novagni Analytics & Advisor Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Perkasa Normandy Managers Sdn. Bhd.) (363145-w).
2. **Jumlah Pulangan Purata** adalah berpandukan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Pulangan}}{\text{Bilangan Tahun Bawah Kajian}}$$

8. Prestasi Dana dan penanda aras bagi tempoh yang berikut:-



* Pulangan penanda aras berlainan dengan pulangan yang dinyatakan sebelum ini berikutan perubahan pengiraan penanda aras. Pada masa ini pulangan penanda aras dikira sepenuhnya daripada Indeks FBM Syariah untuk memperolehi pulangan 2004-2010 berbanding dengan pengiraan sebelum ini yang berasal dari gabungan FBM Syariah, Indeks Syariah Kuala Lumpur "KLSI" dan Indeks Komposit Kuala Lumpur "KLCI".

9. Peruntukan Aset

Setakat 31 Ogos	2013	2014	2015
Ekuiti	59.0%	58.2%	24.0%
Sukuk	33.5%	24.7%	33.9%
Tunai + Pasaran Wang	7.5%	17.1%	42.1%

Pendedahan Dana terhadap ekuiti menurun ke 24.0% setakat 31 Ogos 2015 daripada 58.2% setakat 31 Ogos 2014 selaras dengan strategi defensif sementara yang diaplikasi kepada Dana.

10. Nisbah pusing ganti portfolio (PTR)

Bagi tahun berakhir 31 Ogos	2013	2014	2015
BIMB Dana Al-Munsif (kali)	1.06	9.37	7.52

PTR Dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2015 telah menurun daripada 9.37 kali pada 2014 kepada 7.52 kali terutamanya disebabkan oleh aktiviti perdagangan yang lebih rendah.

PTR dikira seperti yang berikut:-

$$\text{PTR} = \frac{[\text{Jumlah perolehan Dana bagi tahun berkenaan} + \text{Jumlah pelupusan Dana bagi tahun berkenaan}] / 2}{\text{Purata nilai aset bersih Dana bagi tahun kewangan yang dikira secara harian}}$$

11. Pengagihan Pendapatan

	2013	2014	2015
Pengagihan kasar seunit (sen)	3.76	2.56	-
Pengagihan bersih seunit (sen)	3.75	2.56	-

Pengagihan adalah dalam bentuk wang tunai.

SEJARAH PRESTASI KEWANGAN DANA

12. Ekstrak Penyata Untung atau Rugi dan Lain-lain Pendapatan Komprehensif yang Telah Diaudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos

	2013 RM	2014 RM	2015 RM
Jumlah Pendapatan Pelaburan	3,066,714	3,244,468	(4,880,665)
Jumlah Perbelanjaan	935,817	805,826	738,318
Jumlah Pendapatan Sebelum Cukai	2,130,897	2,438,642	(5,618,983)
Jumlah Pendapatan Selepas Cukai	2,122,897	2,438,642	(5,643,024)

13. Ekstrak Penyata Kedudukan Kewangan yang Telah Diaudit Setakat 31 Ogos

	2013 RM	2014 RM	2015 RM
Jumlah Pelaburan	43,997,377	36,722,906	21,147,688
Jumlah Lain-Lain Aset	8,099,308	10,030,162	15,545,354
Jumlah Aset	52,096,685	46,753,068	36,693,042
Jumlah Liabiliti	4,549,885	2,487,142	173,540
Modal Pemegang Unit/NAB	43,546,800	44,265,926	36,519,502

14. Nisbah Pengurusan Perbelanjaan (MER) Dana bagi tiga (3) tahun kewangan yang lepas ditunjuk seperti dibawah:-

Dana	2013	2014	2015
BIMB Dana Al-Munsif (%)	1.68	1.66	1.71

MER Dana dikira seperti yang berikut:-

$$\text{MER} = \frac{\text{Fi Dana} + \text{perbelanjaan Dana} \times 100}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana bagi tahun berkenaan yang dikira secara harian}}$$

15. Perbelanjaan Tahunan Ditanggung oleh Dana bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2015

Dana	Fi Pengurusan		Fi Pemegang Amanah		Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		Jumlah Perbelanjaan Tahunan	
	RM	%*	RM	%*	RM	%*	RM	%*
BIMB Dana Al-Munsif	648,342	1.50	34,578	0.08	55,398	0.13	738,318	1.71

* Peratusan yang ditunjukkan adalah sebagai peratusan daripada purata NAB dikira setiap hari.

PRESTASI MASA LEPAS DANA BUKAN PETUNJUK PRESTASI MASA HADAPAN.

PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI DANA DINYATAKAN DALAM LAPORAN TAHUNAN DANA DAN LAPORAN TAHUNAN DISEDIAKAN ATAS PERMINTAAN .

RISIKO UTAMA

16. Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan produk ini?

Anda terdedah kepada risiko berikut:

- Risiko Sekuriti Tertentu** – Risiko sekuriti tertentu merujuk kepada risiko melabur di dalam mana-mana sekuriti tertentu. Risiko sekuriti tertentu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tindakan guaman, persekitaran operasi yang bersaing, kemerosotan keuntungan dan salah urus syarikat tertentu yang menerbitkan sekuriti. Risiko sekuriti tertentu boleh mengakibatkan harga sekuriti menurun dan seterusnya menyebabkan NAB Dana menurun. Risiko ini boleh dikurangkan melalui analisis sekuriti yang dilakukan oleh Pengurus.
- Risiko Kredit/Mungkir** – Risiko kredit berkaitan dengan kepercayaan kredit penerbit Sukuk dan keupayaan jangkaan mereka untuk membuat pembayaran tepat untuk faedah dan / atau prinsipal. Mana-mana keadaan buruk yang dihadapi oleh penerbit boleh memberi kesan kepada nilai dan juga kecairan Sukuk. Dalam kes Sukuk diberi nilai, ini boleh membawa kepada penurunan kredit. Risiko lalai berkaitan dengan risiko bahawa penerbit Sukuk sama ada gagal membayar bayaran atau gagal untuk membuat bayaran tepat pada masanya yang seterusnya akan menjejaskan nilai instrumen hutang. Ini boleh menjejaskan nilai Dana.
- Risiko Kadar Untung/ Faedah** – Secara umum, perubahan pada tahap kadar faedah am* boleh menyebabkan harga Sukuk berubah secara songsang. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melabur dalam Sukuk sehingga ia matang, dan dengan itu mengunci hasilnya. Pengurus juga mengurus risiko kadar untung/faedah dengan mempertimbangkan kepekaan setiap Sukuk terhadap perubahan untung/kadar faedah seperti yang diukur melalui tempohnya.

*Nota: Istilah kadar faedah tidak sama sekali mencadangkan bahawa Dana akan melabur dalam sekuriti atau instrumen yang tidak mematuhi Syariah. Semua pelaburan yang dibuat untuk Dana adalah menurut prinsip-prinsip Syariah.

- d. **Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah** – Risiko ini merujuk kepada risiko sekuriti patuh Syariah yang dipegang pada masa ini yang tersenarai di Bursa Malaysia (contohnya syer biasa, waran dan hak langganan boleh pindah milik) dalam portfolio Dana yang boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah dalam kajian semula sekuriti patuh Syariah yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) SC dari semasa ke semasa. Jika ini berlaku, Pengurus akan bertindak menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh SAC bagi memastikan Dana mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Pengurus juga mempunyai satu Jawatankuasa Syariah dalaman yang bermesyuarat sekali setiap suku tahun untuk memberi bimbingan dan nasihat dalam memastikan pelaburan Dana dijalankan mengikut kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip Syariah.
- e. **Risiko Rakan Niaga** – Risiko rakan niaga merujuk kepada risiko dengan mana-mana institusi kewangan yang berurusan dengan Dana, dalam keadaan tertentu, gagal untuk melaksanakan tanggungjawabnya apabila sampai tempoh masa. Ini akan mengakibatkan Dana mengalami kerugian besar.

FI & CAJ

17. Apakah fi dan caj yang terlibat?

Terdapat fi dan caj yang terlibat dan pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan fi dan caj tersebut sebelum melabur dalam Dana.

Jadual ini menerangkan fi dan caj yang mungkin **ditanggung secara langsung** apabila anda membeli atau menebus Unit.

Caj Jualan	Pengurus akan mengenakan caj jualan sehingga 5.00% daripada NAB seunit ke atas jualan unit.	
Caj Penebusan	Pengurus TIDAK akan mengenakan apa-apa fi penebusan ke atas apa-apa urus niaga penebusan.	
Fi Pemindahan Dana	Tiada.	
Fi Pertukaran Dana	Fi pertukaran dana mungkin dikenakan oleh Pengurus seperti yang berikut:-	
	a. Kali pertama	: Tiada
	b. Kali ke-2 dan seterusnya	: RM25 setiap transaksi (Fi pertukaran dana dikecualikan kepada pelabur yang mempunyai pelaburan melebihi RM100,000 dan ke atas dengan BIMB Invest).

Jadual ini menerangkan fi yang mungkin ditanggung **secara tidak langsung** apabila anda melabur dalam Dana.

Jenis Fi	
Fi Pengurusan	Dana membayar yuran pengurusan tahunan sebanyak 1.5% setahun daripada NAB kepada Pengurus untuk menguruskan Dana. Yuran pengurusan adalah dikira dan diakru secara harian, serta dibayar secara bulanan kepada Pengurus.
Fi Pemegang Amanah	Dana membayar yuran pemegang amanah tahunan sebanyak 0.05% setahun daripada NAB Dana, tertakluk kepada fi minimum RM18,000.00 setahun . Yuran pemegang amanah dikira secara harian dan dibayar secara bulanan kepada Pemegang Amanah.
Perbelanjaan Dana	Perbelanjaan Dana termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • komisen yang dibayar kepada broker; • fi juruaudit;

	<ul style="list-style-type: none"> • fi penasihat cukai; • fi penilaian; • fi profesional lain yang berkaitan; • cukai dan duti lain yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain; • fi penjagaan bagi pelaburan asing, jika ada; • kos mencetak dan mengedarkan laporan tahunan dan laporan interim; • kos bagi pengubahsuaian Surat Ikatan selain pengubahsuaian untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah; dan • apa-apa notis lain kepada Pemegang Unit serta perbelanjaan yang berkait secara langsung dan perlu untuk pentadbiran Dana, seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan.
Lain-lain	<p>Dalam menjalankan urus niaga, caj tertentu mungkin harus ditanggung. Pelabur perlu menanggung caj urus niaga tersebut, contohnya, caj bank, caj telegraf, caj kurier dan GST (mana-mana yang berkaitan).</p> <p>Pengurus berhak mengubah syarat tersebut dari semasa ke semasa, yang akan dimaklumkan kepada pelabur secara bertulis.</p>

Nota:

- ***Pengurus boleh, atas apa-apa sebab dan pada bila-bila masa, mengetepikan atau mengurangkan amaun apa-apa fi atau caj yang perlu dibayar oleh Pemegang Unit berhubung dengan Dana.***
- ***Fi-fi diatas adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) atau apa cukai jualan atau levi lain yang serupa yang akan dibayar oleh Pemegang Unit.***

PENILAIAN DAN PENARIKAN DARIPADA PELABURAN

18. Berapa kerapkah penilaian dilakukan?

Penilaian Dana dilakukan di penghujung setiap Hari Urus Niaga. Pemegang Unit boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan Dana daripada laman web BIMB Invest di <http://www.bimbinvestment.com.my>. NAB seunit Dana bagi setiap hari boleh didapati di pejabat urusan Pengurus.

19. Bagaimanakah saya boleh menarik diri daripada pelaburan ini dan apakah risiko dan kos yang terlibat?

- Anda boleh menarik diri daripada Dana dengan menebus pelaburan anda dalam Dana pada bila-bila masa hanya dengan melengkapkan borang permohonan penebusan dan mengembalikannya kepada pejabat urusan BIMB Invest dan/atau di cawangan Bank Islam yang terdekat semasa waktu perniagaan/urusan bank biasa.
- Pengurus tidak mengenakan amaun minimum bagi apa-apa urus niaga penebusan. Walau bagaimanapun, amaun minimum bagi apa-apa urus niaga penebusan tertakluk pada keperluan pegangan minimum.
- Anda akan menerima hasil penebusan dalam tempoh 10 hari dari hari Pengurus menerima permintaan penebusan dan sebelum tamat had masa.
- Had masa bagi urus niaga penebusan adalah pada atau sebelum jam 4.00 petang pada mana-mana Hari Urus Niaga. Had masa akan ditentukan berdasarkan waktu dan tarikh cop yang dibuat oleh pejabat kami. Jika permintaan penebusan diterima selepas had masa yang disebut di atas, permintaan tersebut akan dianggap sebagai diterima pada Hari Urus Niaga berikutnya.
- Tempoh bertenang selama enam (6) Hari Perniagaan dari tarikh Pengurus menerima pelaburan diberikan kepada pelabur yang melabur dengan BIMB Invest untuk kali pertama.
- Dalam tempoh bertenang, pelabur yang mengubah fikirannya tentang pelaburan amanah saham yang dibuat, dia boleh melaksanakan hak tempoh bertenangnya dengan mengemukakan permohonan

bertenang kepada BIMB Invest, di cawangan Bank Islam yang terdekat atau melalui IUTA kami yang diberi kuasa.

- Pada dasarnya, pelabur akan menerima bayaran balik penuh daripada amaun pendahuluan yang dibayar untuk belian Unit dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh penerimaan permohonan bertenang oleh Pengurus.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

20. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

Anda boleh menghubungi kami di alamat berikut:

BIMB Investment Management Berhad

Aras 19, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.

Tel. : 03-2161 2524 / 03-2161 2924
Faks : 03-2161 2464
Nombor Bebas Tol : 1800-88-1196
E-mel : marketing.bimbinvest@bankislam.com.my
Laman Web : <http://www.bimbinvestment.com.my>

Pejabat Agensi Johor Bahru

33 Jalan Indah 15/2,
Taman Bukit Indah,
79100 Nusajaya,
Johor Darul Takzim
Tel : 07- 239 5608
Faks: 07- 239 5609

Melaka Agency Office (Qashrina Agency)

SU 1447, Tingkat 1,
Taman Masjid Tanah Ria Utama, 78300 Masjid Tanah, Melaka
Tel : 06-3851076
Faks : 06-3851076

Cawangan Bank Islam yang terdekat Atau

Pejabat IUTA lain seperti berikut:

IFAST Capital Sdn Bhd (782978-H)

Aras 28, Menara Standard Chartered
No.30, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2149 0500
Faks : 03-2143 1218

Phillip Mutual Berhad

B-2-7, Block B, Unit 7, Megan Avenue II,
12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2783 0300
Faks : 03-2166 6417
Talian Khidmat Pelanggan : 03-2783 0200
Faks : 03-2711 3036
Emel : phillipmutual@poems.com.my

Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Cawangan BSN terdekat

Bahagian Pengurusan Kekayaan, Jabatan Pengagihan,
Tingkat 10, Wisma BSN,
117 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2162 3222 Sambungan. 5740
Faks : 03-2161 0376

Kenanga Investment Bank Berhad

Tingkat Bawah, West Wing,
Bangunan ECM Libra,
8 Jalan Damansara Endah,
Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur
Tel: 03-20892888
Fax : 03-20937835

Amanahraya Investment Management Sdn Bhd

Tingkat 7 & 8, Wisma Amanahraya,
2, Jalan Ampang,
50508 Kuala Lumpur
Tel: 03-26875200
Fax : 03-26875300

21. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi:

Jabatan Rangkaian & Pengagihan Maklum Balas

Tingkat 18, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.
Faks: 03-2782 1337

22. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC):

- a. melalui telefon di : 03-2282 2280
- b. melalui faks ke : 03-2282 3855
- c. melalui emel ke : info@sidrec.com.my
- d. melalui surat kepada : **Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC)**
Unit A-9-1, Aras 9, Menara A Menara UOA Bangsar,
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur.

23. Anda juga boleh mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan Suruhanjaya Sekuriti:

- a. melalui telefon di Talian Utama Aduan : 03-6204 8999
- b. melalui faks ke : 03-6204 8991
- c. melalui e-mel ke : aduan@seccom.com.my
- d. melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : www.sc.com.my
- e. Melalui surat kepada : **Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan**
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur.

24. Biro Pengaduan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM)

- a. melalui telefon di Talian Utama Aduan : 03 – 2092 3800
- b. melalui faks ke : 03 – 2093 2700
- c. melalui e-mel ke : complaints@fimm.com.my
- f. melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : www.fimm.com.my
- d. Melalui surat kepada : Legal, Secretarial & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers Malaysia
19-06-1, 6th Floor, Wisma Tune,
No.19, Lorong Dungun,
Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN: GLOSARI

“Bursa Malaysia”	Pertukaran stok yang diuruskan dan dikendalikan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.
“Hari Urus Niaga”	Hari di mana Bursa Malaysia dibuka untuk dagangan.
“Dana”	BIMB Dana Al-Munsif
“Jangkamasa Panjang”	Bermaksud tempoh lebih daripada lima (5) tahun.
“Jangkamasa Sederhana”	Tempoh diantara 3 dan 5 tahun.
“NAB”	Nilai Aset Bersih.
“SC”	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
“Sukuk”	Dokumen atau sijil yang mendokumenkan pemilikan yang tidak dibahagikan atau pelaburan di dalam aset yang berlandaskan prinsip dan konsep Syariah. Sak (tunggal kepada Sukuk) didagangkan secara bebas pada tara, premium atau diskaun.
“Unit”	Unit Dana.
“Pemegang Unit/Pelabur”	Orang yang berdaftar sebagai pemegang Unit Dana dan yang namanya tercatat dalam daftar Pemegang Unit.